



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN
HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/2007**

NAMA MATAPELAJARAN : APLIKASI PAKEJ PERISIAN
KOD MATAPELAJARAN : DIT 1013
KURSUS : 1 DIT
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 MUKA SURAT

BAHAGIAN A

ARAHAN : Nyatakan sama ada pernyataan di bawah **BENAR** atau **PALSU**

- S1** *Modulation* adalah proses untuk menukarkan signal analog kepada digital.
- S2** URL membawa maksud *Unified Resource Locater*.
- S3** Kerangka utama (*mainframe*) adalah berkelajuan tinggi berbanding dengan superkomputer.
- S4** Pemprosesan bagi cek sesebuah bank adalah menggunakan kaedah *magnetic stripe*.
- S5** Cakera keras merupakan salah satu contoh bagi kategori cakera magnetik (*magnetic disks*).
- S6** Internet merupakan rangkaian LAN yang terbesar di dunia.
- S7** Perisian aplikasi terdiri daripada sistem pengoperasian, utiliti, *device drivers* dan penterjemah bahasa.
- S8** UNIX dan Apache adalah contoh perisian sumber terbuka.
- S9** ARPANET merupakan Internet pertama yang dibangunkan di dunia.
- S10** Tujuan utama *extranet* adalah untuk membolehkan pekerja di sesebuah organisasi mencapai Internet.

(10 markah)

BAHAGIAN B

ARAHAN : Jawab **SEMUA** soalan.

- S11** (a) Berikan **SATU (1)** perbezaan di antara DOS dan Windows. (2 markah)
- (b) Komputer boleh diklasifikasi berdasarkan beberapa perkara. Berikan **DUA (2)** klasifikasi tersebut beserta sebab yang bersesuaian. (4 markah)
- (c) Sistem pengoperasian dikatakan banyak membantu dalam memudahkan tugas pengguna. Berikan **DUA (2)** sebab yang boleh menyokong pernyataan di atas. (4 markah)
- S12** (a) Berikan definisi bagi setiap istilah berikut:
- (i) Perisian *freeware* (2 markah)
- (ii) Perisian *shareware* (2 markah)
- (iii) Perisian pengurusan pangkalan data (2 markah)
- (b) Syarikat Emas Cahaya Sdn Bhd ingin memiliki beberapa perisian yang sesuai dengan beberapa tugas di bawah. Nyatakan **SATU (1)** perisian aplikasi yang sesuai bagi setiap tugas tersebut.
- (i) untuk menganalisa jumlah jualan secara harian (1 markah)
- (ii) untuk mempersembahkan hasil bagi jualan setiap minggu dan bulan (1 markah)
- (iii) untuk melayari internet (1 markah)
- (iv) untuk membolehkan pekerja-pekerja bekerja bersama di dalam satu kumpulan (1 markah)

- S13** (a) Nyatakan definisi bagi *hacker* dan *cracker*. (4 markah)
- (b) Virus merupakan masalah yang selalu di hadapi oleh pengguna-pengguna komputer.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan virus komputer? (2 markah)
- (ii) Bagaimanakah suatu virus itu boleh wujud dan disebarkan? (3 markah)
- (iii) Apakah yang perlu dilakukan oleh pengguna komputer untuk melindungi komputer daripada serangan virus? (1 markah)
- S14** (a) Salah satu topologi rangkaian yang sering digunakan ialah Topologi Bintang. Lukiskan rajah lengkap topologi rangkaian tersebut dan nyatakan **SATU (1)** kelebihan dan **SATU (1)** kelemahan topologi ini. (5 markah)
- (b) Topologi bus dan bintang boleh bergabung di antara satu sama lain. Nyatakan nama bagi topologi ini dan lukiskan rajah lengkap yang menunjukkan kombinasi dua topologi ini. (5 markah)
- S15** (a) Berikan **SATU (1)** contoh bagi storan tertiar dan *optical disks*. (4 markah)
- (b) CPU terbahagi kepada dua komponen. Nyatakan **DUA (2)** komponen tersebut beserta **SATU (1)** kegunaan bagi setiap komponen. (5 markah)
- (c) Peranti input digunakan untuk memasukkan data atau maklumat ke dalam komputer. Terangkan **TIGA (3)** jenis peranti input tersebut. (6 markah)
- S16** Seorang pelajar tahun dua di FTMM baru sahaja berpindah ke rumah sewa di Taman Rona. Untuk memudahkan urusan pencarian maklumat di Internet tanpa perlu ke makmal komputer, beliau mahu menyambungkan talian Internet ke rumah sewanya.
- (a) Nyatakan **DUA (2)** jenis sambungan (*connection*) yang membolehkan talian Internet disambungkan ke rumah sewanya. (3 markah)

- (b) Daripada kedua-dua cara tersebut, yang manakah yang dirasakan lebih sesuai. Berikan **DUA (2)** sebab. (4 markah)
- (c) Berikan **DUA (2)** contoh penyedia perkhidmatan yang boleh dimohon untuk mendapatkan capaian Internet. (3 markah)
- (d) Berikan definisi enjin pencari dan **TIGA (3)** contoh enjin pencarian yang digunakan secara meluas. (5 markah)